



INTERNATIONAL JOURNAL OF
EDUCATION, PSYCHOLOGY
AND COUNSELLING
(IJEPC)

www.ijepe.com



MIGRASI PENDAKWAH JAWA DAN IMPAKNYA TERHADAP
PENERIMAAN ISLAM OLEH MASYARAKAT PEDALAMAN
SABAH

*THE MIGRATION OF JAVANESE PREACHER AND ITS IMPACTS TOWARDS
THE ACCEPTANCE OF ISLAM BY THE INTERIOR COMMUNITY OF SABAH*

Mohd Nur Hidayat Hasbollah Hajimin^{1*}, Syamsul Azizul Marinsah², Irma Wani Othman^{3*}, Sarinab Ariffin @ Eduny⁴

¹ Fakulti Pengajian Islam, Universiti Malaysia Sabah

Email: mnhidayath_h@ums.edu.my

² Fakulti Pengajian Islam, Universiti Malaysia Sabah

Email: syamsulazizul@ums.edu.my

³ Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah

Email: irma@ums.edu.my

⁴ Sekolah Kebangsaan Ladang Sandak, Sandakan, Sabah, Malaysia

Email: nimskief@yahoo.com

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 31.12.2021

Revised date: 25.01.2022

Accepted date: 28.02.2022

Published date: 15.03.2022

To cite this document:

Hajimin, M. N. H. H., Marinsah, S. A., Othman, I. W., Ariffin, S. (2022). Migrasi Pendakwah Jawa Dan Impaknya Terhadap Penerimaan Islam Oleh Masyarakat Pedalaman Sabah. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 7 (45), 35-44.

DOI: 10.35631/IJEPC.745003

Abstrak:

Kedatangan Islam ke Sabah adalah menerusi migrasi golongan pendakwah. Sejak abad ke-15, terdapat ramai migran pendakwah telah bermigrasi dan menyampaikan dakwah Islam di Sabah. Masyarakat Sabah yang asalnya tidak beragama mulai menerima pengaruh agama melalui migrasi golongan tersebut. Pada awal perkembangan Islam, pengaruh Islam hanya sampai kepada masyarakat pesisiran pantai sahaja. Islam mulai sampai ke kawasan pedalaman pada abad ke-20. Sejarah mencatatkan seorang pendakwah Jawa daripada Indonesia bernama Mandur Sharif merupakan tokoh penting yang telah membawa masuk Islam ke kawasan pedalaman Sabah. Kajian ini akan membahaskan migrasi Mandur Sharif ke Sabah dan impaknya terhadap penyebaran Islam di pedalaman Sabah. Kajian kualitatif ini dijalankan menggunakan pendekatan analisis kandungan dan temu bual. Data-data dianalisis secara deskriptif dan dicerakinkan secara tematik. Kajian mendapati migrasi Mandur Sharif ke Sabah telah memberikan impak yang besar terhadap penerimaan Islam dalam kalangan penduduk pedalaman Sabah terutamanya etnik Kadazandusun. Ilmu perubatan dan kebatinan serta peribadi yang baik merupakan aset beliau yang telah menarik penduduk pedalaman untuk

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



menerima Islam. Secara tidak langsung, Islam diterima dan berkembang di kawasan-kawasan pedalaman di Sabah. Ini merupakan sumbangan pendakwah migran apabila pada ketika itu Sabah kekurangan pendakwah tempatan. Kajian ini diharapkan menjadi titik tolak kepada kajian-kajian migrasi pendakwah terhadap perkembangan Islam di Sabah.

Kata Kunci:

Kadazandusun, Migrasi, Pendakwah Jawa, Penduduk Pedalaman Sabah, Penyebaran Islam

Abstract:

Islam arrived in Sabah through the migration of preachers. Since the 15th Century, few preachers have migrated and conveyed the Islamic preachings there. The non-religious community of Sabah began to receive religious influences through these groups's migration. In the early Islamic development, its influence reached only the coastal communities, subsequently reaching the interior areas in the 20th Century. History has recorded that a Javanese preacher from Indonesia named Mandur Sharif was a prominent figure who brought Islam to the interior areas. This study discusses the migration of Mandur Sharif to Sabah and its impacts towards the spread of Islam in the interior of Sabah. This qualitative study was conducted using the content analysis approach and interview. The data are analysed descriptively and arranged thematically. This study found that Mandur Sharif's migration brought huge impacts towards the acceptance of Islam by the interior ethnic Kadazadusun community. His knowledge in medical, spiritual, and good personality attracted many interior communities to embrace Islam. Indirectly, Islam was accepted and began to spread there due to the contribution by migrant preacher which was what Sabah is lacking. This study is expected to initiate more studies of preacher's migration towards the development of Islam in Sabah.

Keywords:

Kadazandusun , Migration, Javanese Preacher, Interior Community Of Sabah, Spread Of Islam

Pengenalan

Migrasi etnik Jawa ke Sabah bukanlah suatu perkara yang asing. Sebelum pembentukan sistem persempadanan lagi telah terdapat aliran migrasi warga Indonesia ke Sabah. Namun, migrasi tersebut adalah lebih jelas berlaku ketika Sabah dijajah oleh beberapa kuasa besar iaitu Syarikat Berpiagam Borneo Utara British (SBBUB) tahun 1881-1942, penjajahan Jepun tahun 1942–1946 dan Kolonial British tahun 1946-1963. Proses pembangunan yang pesat berjalan, menyebabkan pihak penjajah mendapatkan tenaga kerja daripada luar negeri seperti China, India, Filipina, Kepulauan Kokos (Keeling) termasuklah Indonesia (Ibnor & rakan-rakan, 2019). Mereka diperlukan untuk bekerja dalam sektor perladangan seperti tembakau, getah, pisang, pembalakan, koko dan kelapa sawit (Kaliwon, 2020; Tregonning, 1965). Pada tahun 1882, direkodkan seramai 90 orang warga Indonesia dari etnik Jawa telah dibawa masuk ke Sabah (Tregonning, 1965). Pada tahun 1907, SBBUB telah memeterai kerjasama dengan Kerajaan Belanda yang pada ketika itu memerintah Indonesia untuk mendapatkan Tenaga Kerja Indonesia (TKI) ke Sabah selama tiga tahun (Khazin, 1988). Hasilnya antara tahun 1914 sehingga 1931, dianggarkan seramai 9969 sehingga 10014 orang Jawa direkodkan telah dibawa

masuk ke Sabah (Ramli & Mohd Kamarunizam, 2015; De Silva, 2009; Lee Yong Leng, 1965). Pada era penjajahan Jepun tahun 1942-1946, dasar menggunakan TKI masih dilaksanakan, bagaimanapun prosedurnya dilakukan secara paksaan (*romusha*) (Kaliwon, 2020; Khazin, 1988). Malah dasar pengambilan TKI ini terus dilaksanakan ketika Sabah diletakkan sebagai Tanah Jajahan Mahkota British pada tahun 1946 sehingga 1963.

Salah seorang migran ekonomi Jawa yang terlibat dengan proses tersebut adalah Mandur Sharif. Beliau bukan sahaja seorang migran ekonomi, malah merupakan migran pendakwah yang namanya amat signifikan dengan lipatan sejarah perkembangan Islam di Sabah (Kaliwon, 2020). Walaupun pada asalnya beliau bermigrasi ke Sabah atas faktor ekonomi, namun beliau turut berkecimpung dalam gerakan dakwah Islam di Sabah. Pada awal perkembangan Islam, keadaan geografi Sabah yang berbukit-bukau, berhutan-rimba dan sistem jalan raya serta pengangkutan yang terbatas, menyukarkan usaha dakwah Islam untuk sampai ke kawasan pedalaman. Islam hanya sampai dan diterima oleh masyarakat yang tinggal di kawasan pesisiran pantai sahaja (Muhiddin, 1990). Namun senario ini mulai berubah apabila Mandur Sharif telah bermigrasi ke kawasan pedalaman iaitu Ranau. Melalui migrasi beliau, Islam mulai diterima dan penganutnya mulai berkembang sehingga ke daerah-daerah pedalaman yang lain seperti Keningau, Tambunan, Tenom, Nabawan, Sook dan sekitarnya (Najion, 2010). Oleh itu, kertas kerja ini akan membahaskan migrasi Mandur Sharif dan peranannya dalam penyebaran Islam terhadap masyarakat pedalaman Sabah. Kajian ini merupakan kajian kualitatif yang dijalankan menggunakan pendekatan analisis kandungan dan temubual. Analisis kandungan dilakukan terhadap sumber-sumber bertulis sama ada berbentuk cetakan mahupun digital seperti artikel jurnal, buku, tesis dan internet. Selain itu, sumber-sumber media elektronik seperti audio dan video dokumentari yang boleh didapati daripada internet turut dijadikan sebagai sumber rujukan. Temu bual mendalam separa berstruktur pula dijalankan bersama Presiden Persatuan Masyarakat Peranakan Jawa Sabah (PERJASA) iaitu Bapak Kaliwon Edi. Data dan maklumat-maklumat yang diperolehi dianalisis secara deskriptif dan disusun secara tematik. Kajian mendapati penduduk pedalaman majoritinya etnik Kadazandusun yang terdapat di Ranau, Keningau, Tambunan, Tenom, Nabawan, Sook dan sekitarnya telah menerima Islam melalui migrasi Mandur Sharif tersebut. Penyebaran dan penerimaan Islam pada era Mandur Sharif dianggap sebagai gelombang pertama bagi pengislaman masyarakat pedalaman Sabah (Saif, 1993; Muhiddin, 1990). Masyarakat Kadazandusun Muslim pedalaman menggelar beliau sebagai 'Bapa bagi orang-orang Kadazandusun' kerana telah membawa mereka kepada agama Islam (Eko, 2012; Saif, 2010). Kemasukan Islam ke kawasan pedalaman sukar dinafikan berlaku tanpa migrasi Mandur Sharif ke kawasan tersebut. Hal ini jelas menunjukkan peranan dan sumbangan migran pendakwah seperti Mandur Sharif terhadap perkembangan awal Islam di Sabah.

Latar Belakang Masyarakat dan Agama di Sabah

Sabah merupakan salah sebuah negeri daripada 13 buah negeri dan 3 buah Wilayah Persekutuan yang membentuk Malaysia. Sabah merupakan antara negeri yang mempunyai kepelbagaian kaum dan etnik. Pada masa kini, penduduk Sabah telah dibentuk oleh 33 kumpulan peribumi yang berkomunikasi lebih daripada 50 bahasa dan 80 dialek. Etnik-etnik di Sabah dibahagikan kepada kumpulan bumiputera dan bukan bumiputera. Etnik bumiputera utama di Sabah adalah Kadazandusun, Bajau, Murut dan Melayu. Selain itu terdapat juga etnik-etnik bumiputera lain seperti Idahan, Sungai, Kwijau, Iranun, Kedayan, Bisaya, Sulu, Tidong, Sino-Kadazan, Lotud, Rungus, Tambanuo, Dumpas, Maragang, Paitan, Minokok, Rumanau, Mangkaak, Kokos dan lain-lain lagi. Manakala bagi kumpulan bukan bumiputera, ia terdiri daripada kaum Cina, India dan lain-lain lagi.

Secara umumnya, taburan penempatan etnik-etnik di Sabah dapat dibahagikan kepada dua kawasan iaitu kawasan pesisiran pantai dan kawasan pedalaman. Majoriti etnik yang mendiami kawasan pesisiran pantai adalah seperti Bajau, Sulu, Melayu-Brunei, Kedayan, dan sebagainya. Manakala, majoriti etnik-etnik yang mendiami kawasan pedalaman adalah Kadazandusun dan Murut beserta sub-etnik masing-masing.

Sebelum kemasukan pengaruh agama, seperti mana di tempat-tempat lain, masyarakat Sabah tidak menganut sebarang agama (pagan). Sebaliknya mereka mengamalkan kepercayaan animisme iaitu mempercayai bahawa setiap benda dan alam sekeliling seperti pokok, batu, gong, tajau, gigi dan lain-lain mempunyai kuasa, roh, semangat, hantu, iblis dan sebagainya (Mohd Nur Hidayat Hasbollah & rakan-rakan, 2020; Abd Hakim & Ros Aiza, 2017; Owen, 1985).

Pengaruh Islam direkodkan memasuki Sabah pada tahun 1300 (Mat Zin, 2003). Pengaruh Kristian pula adalah pada tahun 1859 (Regina, 2008; Tregonning, 1967). Sungguhpun pengaruh Islam memasuki Sabah lebih awal, namun pengaruh Kristian adalah lebih pesat berkembang. Hal ini kerana, ketika Sabah diperintah oleh Syarikat Berpiagam Borneo Utara British (SBBUB) pada tahun 1881-1946 dan ketika Sabah menjadi Tanah Jajahan Mahkota British pada tahun 1946-1963 telah menyumbang kepada proses dakwah dan perkembangan agama Kristian ke seluruh Sabah termasuklah ke kawasan pedalaman (Mat Zin, 2004).

Setelah kemasukan pengaruh agama, etnik-etnik di Sabah sinonim dibahagikan kepada penganut agama dan kepercayaan tertentu. Hal ini kerana terdapat etnik-etnik tertentu menjadi dominan dan penganut majoriti bagi agama-agama tersebut. Bagi kumpulan etnik bumiputera utama iaitu Kadazandusun, Bajau, Murut dan Melayu, Bajau dan Melayu merupakan etnik dominan Islam. Manakala Kadazandusun dan Murut merupakan etnik dominan Kristian. Etnik-etnik lain yang juga dominan Islam adalah seperti Idahan, Sungai, Iranun, Kedayan, Bisaya, Sulu, Kokos, Tidong dan lain-lain. Etnik-etnik lain yang dominan Kristian pula adalah seperti Rungus, Kwijau, Lotud, Lundayeh, Dumpas, Tembenua, Tenggara, Tatana dan sebagainya. Selanjutnya seperti mana di tempat lain, agama Buddha sinonim dengan kaum Cina, dan Hindu sinonim dengan kaum India. Namun, tidak dinafikan masih terdapat masyarakat Sabah yang kekal tidak beragama namun dalam skala yang kecil. Malah terdapat juga mereka yang telah menganut sesuatu agama, namun masih mengamalkan kepercayaan animisme (E. Nuar & G.J. Lunkapis, 2019; Owen, 1985).

Dari sudut pertambahan penganut Islam, ia dilihat bertambah dengan lebih pesat di kawasan pesisiran Sabah (Jamdin, 2003). Walaupun pada ketika itu, belum wujud jabatan mahupun organisasi Islam yang khusus, namun gerakan dakwah dapat disampaikan kepada masyarakat. Hal ini kerana kawasan pesisiran Sabah yang biasanya merupakan kawasan bandar dan pekan, mempunyai sistem jalan dan pengangkutan yang baik. Gerakan dakwah walaupun hanya dilakukan secara sukarela, sama ada secara individu ataupun berkumpulan, dan mempunyai kemampuan kewangan yang terbatas, namun ia tidak menghalang usaha dakwah Islam untuk sampai ke kawasan-kawasan tersebut (Mohd Nur Hidayat Hasbollah & rakan-rakan, 2020).

Sebaliknya bagi kawasan-kawasan pedalaman seperti Ranau, Keningau, Tambunan, Nabawan, Sook dan seumpamanya, menemui kesukaran untuk para pendakwah sampai ke tempat tersebut. Keadaan muka bumi yang berbukit bukau, berhutan rimba dan sistem perhubungan jalan raya serta pengangkutan yang terbatas menyukarkan para pendakwah untuk memasuki

kawasan-kawasan pedalaman. Kesannya penduduk pedalaman masih lagi berpegang dengan kepercayaan animisme dan tidak beragama.

Keadaan ini berbeza dengan gerakan dakwah Kristian. Pada era pemerintahan SBBUB dan ketika Sabah menjadi Tanah Jajahan Mahkota British, pengaruh Kristian mudah sampai ke kawasan-kawasan tersebut. Selaku pemerintah, mereka juga mempunyai pelbagai kemudahan dan fasiliti missionari yang lengkap seperti organisasi mubaligh khusus dan bantuan kewangan yang ditaja oleh gereja-gereja antarabangsa (Mohd Nur Hidayat Hasbollah & rakan-rakan, 2020). Selain itu mereka juga mempunyai kemudahan pengangkutan seperti kapal terbang yang memudahkan dakwah mereka sampai ke seluruh Sabah termasuklah kawasan-kawasan pedalaman. Ini menjadikan dakwah Kristian dan penganutnya dapat diterima dan berkembang berbanding agama Islam (Ismail, 1994).

Walau bagaimanapun, usaha membawa masuk Islam ke kawasan pedalaman Sabah telah dilakukan oleh seorang migran ekonomi bernama Mandur Sharif berketurunan Jawa yang berasal dari Indonesia pada sekitar tahun 1920-an (Kaliwon, 2020; Eko, 2012; Awang Sahari, 2003; Muhiddin, 1990). Migrasi Mandur Sharif ke Ranau telah mengubah demografi kawasan-kawasan pedalaman apabila turut menerima Islam dan penganutnya mulai berkembang seperti yang ada pada hari ini (Syamruddin & Abd. Ghofur, 2017; Farid & Anwar 2003).

Migrasi Masyarakat Jawa Indonesia ke Sabah

Migrasi masyarakat Jawa Indonesia ke Sabah hakikatnya telah pun berlaku sebelum wujudnya sistem persempadanan lagi. Namun, migrasi masyarakat Jawa ini lebih jelas lagi ketika Sabah dijajah oleh beberapa kuasa besar iaitu Syarikat Berpiagam Borneo Utara British (SBBUB) tahun 1881-1942, penjajahan Jepun tahun 1942–1946 dan Kolonial British tahun 1946-1963. Sepanjang penjajahan, usaha untuk membangunkan ekonomi Sabah telah berjalan dengan pesat. Oleh sebab tenaga kerja dari kalangan penduduk tempatan kurang di samping dasar melindungi penduduk bumiputera, menyebabkan pihak pemerintah seperti SBBUB mengambil tenaga kerja dari China, India, Filipina, Kepulauan Kokos (Keeling) termasuklah Indonesia (Ibnor & rakan-rakan, 2019). Segala urusan pengambilan tenaga kerja tersebut telah dijalankan dengan formal dan sistematik. Mereka diperlukan untuk bekerja dalam sektor perladangan seperti tembakau, getah, pisang, pembalakan, koko, kelapa sawit dan lain-lain lagi (Tregonning, 1965). Mereka diperlukan kerana mempunyai kepakaran dan daya ketahanan yang tinggi dalam sektor ini (Wan Shawaluddin & rakan-rakan, 2015). Selain itu, kesanggupan mereka menerima upah yang rendah dan bersedia bekerja dalam sektor 5D (*dirty, demeaning, dangerous, demanding dan difficult*) menjadikan mereka sebagai pilihan majikan tempatan untuk mendapatkan servis mereka (Ramli & Mohd Kamarunizam, 2015).

Migrasi migran Jawa dapat dilihat berlaku dalam beberapa siri seperti pada tahun 1882, seramai 90 orang etnik Jawa telah dibawa masuk ke Sabah (Tregonning, 1965) oleh pihak SBBUB. Pada tahun 1907, SBBUB telah menjalin hubungan kerjasama dengan Kerajaan Belanda yang memerintah Indonesia pada ketika itu untuk menghantar tenaga kerja Indonesia ke Sabah selama tiga tahun. Dianggarkan dalam setahun seramai 2000 orang Jawa telah dibawa masuk. Pada tahun 1907 terdapat seramai 8449 tenaga kerja Jawa direkodkan. Ditaksirkan bahawa sehingga tahun 1920-an, 30% tenaga kerja buruh di Sabah adalah orang-orang Jawa (Khazin, 1988). Hasilnya antara tahun 1914 sehingga 1931, dianggarkan seramai 9969 sehingga 10014 orang Jawa direkodkan telah dibawa masuk ke Sabah (Ramli & Mohd Kamarunizam, 2015; De Silva, 2009; Lee Yong Leng, 1965). Pada era penjajahan Jepun tahun 1942-1946, dasar

menggunakan tenaga kerja daripada Indonesia masih dilaksanakan, bagaimanapun prosedurnya dilakukan secara paksaan (*romusha*) (Kaliwon, 2020; Khazin, 1988). Pada tahun 1951, kemasukan warga Indonesia dari pelbagai wilayah mulai meningkat. Mereka datang dari Kalimantan, Sulawesi, Pulau Timor dan Kepulauan Indonesia (Lee Yong Leng, 1965). Kesannya wujud migran ekonomi Indonesia pelbagai etnik di Sabah seperti Jawa, Bugis, Toraja, Banjar, Bulongan, Buton dan Timor. Migrasi masyarakat Indonesia ke Sabah berlaku adalah disebabkan beberapa faktor antaranya hubungan kekeluargaan, peluang ekonomi, sifat semula jadi yang suka merantau dan belayar serta menyebarkan Islam di Nusantara (Kaliwon, 2020; Syed Abdul Razak & rakan-rakan, 2017; Wan Shawaluddin & rakan-rakan, 2015). Pada masa kini, dianggarkan terdapat seramai 200,000 sehingga 300,000 orang etnik Jawa di sekitar Sabah (Kaliwon, 2020).

Migrasi Mandur Sharif dan Impaknya Terhadap Penerimaan Islam oleh Masyarakat Pedalaman Sabah

Dasar SBBUB yang mendapatkan tenaga kerja daripada luar seperti Indonesia telah memberikan manfaat yang besar bukan sahaja kepada sektor ekonomi, namun kepada perkembangan Islam di Sabah. Dasar tersebut secara tidak langsung telah membawa masuk seorang migran Jawa yang telah memberikan sumbangan yang besar kepada penyebaran dan perkembangan Islam di Sabah amnya dan di kawasan pedalaman khususnya yang majoritinya terdiri daripada suku kaum Kadazandusun.

Mohd Sharif Adiwinata juga dikenali sebagai Mandur Sharif, Bapak Tua dan Sharif Ambik merupakan antara migran ekonomi yang telah dibawa masuk oleh SBBUB ke Sabah. Beliau dilahirkan pada tahun 1884, berketurunan Jawa Sunda dan berasal dari daerah Banten, Jawa Tengah, Indonesia. Beliau telah bermigrasi pada tahun 1920-an dan menetap selama 30 tahun di Sabah. Beliau telah dilantik sebagai mandur bagi ladang getah di Lobou Estate Menggatal Sabah pada tahun 1929 (Saif, 2010).



Rajah 1: Mandur Syarif

Sumber: Abu Nuha Corner, Mandur Syarif, 10 Mei 2009, <https://abunuha.wordpress.com/2009/05/10/mandur-syarif/>

Selain berkhidmat sebagai mandur, beliau juga terkenal sebagai pengamal perubatan alternatif. Kemahiran perubatan beliau yang mempunyai elemen-elemen kebatinan telah menarik perhatian masyarakat tempatan kerana menganggap perkara tersebut sebagai 'luar biasa'. Oleh sebab masyarakat pada ketika itu mengamalkan kepercayaan animisme yang percaya kepada roh, kuasa dan semangat, maka mereka mudah tertarik kepada elemen-elemen 'luar biasa' tersebut. Selain itu, walaupun Mandur Sharif merupakan seorang mandur, namun perwatakan beliau yang sederhana, tenang, ramah, baik dan tidak kasar, menjadikan beliau seorang yang

dihormati dan disenangi masyarakat (Eko, 2012). Hal ini menyebabkan beliau sering menerima kunjungan daripada masyarakat sekeliling bagi mendapatkan rawatan. Ketika menjalankan kegiatan inilah beliau juga memulakan usaha dakwah menyebarkan Islam.

Pada peringkat awal, dakwah beliau hanya dapat dilakukan secara sembunyi sahaja. Hal ini kerana SBBUB melarang sebarang pengaruh agama daripada dibawa masuk ke tempat kerja. Bagi mengekalkan produktiviti pekerja, SBBUB membenarkan para pekerjanya untuk melakukan apa sahaja termasuk dosa dan maksiat. SBBUB tidak mahu pengaruh agama menjadi penghalang kepada produktiviti pekerjanya. Dakwah beliau yang berbentuk nasihat dan bimbingan telah diterima baik oleh masyarakat sekeliling terutamanya mereka yang belum beragama. Hakikatnya masyarakat tempatan telah pun mempunyai minat terhadap Islam, namun belum terdapat tokoh yang tampil bagi memperkenalkan Islam kepada mereka (Awang Sahari, 2003). Dengan kedatangan Mandur Sharif, secara tidak langsung Islam mulai diperkenalkan dan diterima oleh masyarakat tempatan.

Selepas berlaku kemerosotan perusahaan getah akibat diambil alih oleh saudagar-saudagar Jepun, dakwah Mandur Sharif mula dilakukan secara terang-terangan dan terbuka. Kesannya Mandur Sharif bukan sahaja didatangi ramai oleh orang-orang yang ingin mendapatkan rawatan tetapi ingin menganut agama Islam. Mereka datang dari pelbagai tempat seperti Menggatal, Telipok, Tamparuli, Kota Belud dan lain-lain lagi.

Apabila Mandur Sharif tidak lagi terikat dengan pihak SBBUB, beliau bermigrasi pula ke daerah pedalaman iaitu Ranau yang majoriti penduduknya terdiri daripada etnik Kadazandusun. Ketika di sana, beliau meneruskan usaha dakwah menyebarkan Islam. Seperti mana ketika di Lobou Estate, beliau menggunakan kemahiran perubatan alternatif sebagai medium dakwahnya. Masyarakat Kadazandusun yang majoritinya berfahaman animisme tertarik dengan kebolehan beliau menyembuhkan pelbagai penyakit dengan menggunakan bacaan-bacaan al-Quran. Beliau dipercayai mampu menyembuhkan penyakit-penyakit ganjil (dengan izin Allah) seperti santau, sihir dan ilmu hitam yang boleh mengancam nyawa. Selain itu unsur kebatinan yang disandarkan dengan ajaran Islam seperti amalan *sajin* (kenduri kecil), mandi *lapisan*, mandi safar, menziarah kubur dengan amalan tertentu dan sebagainya yang dianggap oleh masyarakat animisme ketika itu sebagai suatu yang 'luar biasa' menyebabkan ajaran dan fatwa beliau diterima tanpa penolakan (Suraya, 2013). Namun tidak dinafikan terdapat unsur-unsur adat yang bertentangan dengan ajaran Islam dalam dakwah beliau. Keilmuan yang ada pada Mandur Sharif telah membuatkan mereka tertarik untuk mempelajarinya. Mandur Sharif menjelaskan kepada mereka agar menganut Islam kerana ia merupakan keperluan sebelum mempelajari ilmu kebatinan yang mana bacaan-bacaannya bersumberkan ayat-ayat al-Quran, amalan-amalannya daripada nabi dan para wali. Disebabkan itu, mereka mudah untuk menerima dan menganut agama Islam. Senario ini sekali gus mengurangkan kepercayaan tradisional mereka terhadap *bobolian* iaitu dukun-dukun atau bomoh-bomoh mereka kerana menganggap cara Islam lebih mujarab. Malah terdapat dukun ataupun bomoh-bomoh yang turut menganut Islam selepas mengenali Mandur Sharif (Eko, 2012).

Antara individu terawal yang memeluk Islam adalah Mohd Ali Kandalis pada 3 Mac 1943 (Awang Sahari, 2003). Ahli keluarganya dan masyarakat sekeliling turut mengikuti beliau menganut Islam seperti Daud Beringkok, Naiman Aru dan Roman Limbongot pada tahun 1945, Hajah Mariam tahun 1946 dan Rusmiah Giling tahun 1952. Penyebaran dan penerimaan Islam pada era Mandur Sharif dianggap sebagai gelombang pertama bagi pengislaman masyarakat

pedalaman Sabah (Saif, 1993; Muhiddin, 1990). Dianggarkan dalam tahun 1940-an sehingga 1969, terdapat seramai 140 orang Islam di Ranau (Suraya, 2013). Selain itu, terdapat juga kampung-kampung yang telah menjadi perkampungan dominan orang-orang Islam seperti Kg. Ratau, Kg. Sosondoton, Kg. Tagudon Lama, Kg. Karanaan, Kg. Kamburongoh, Kg. Tudan, Kg. Terolobou, Kg. Himbaan dan beberapa kampung lain (Suraya, 2005). Penyebaran dan penerimaan Islam pada era Mandur Sharif dianggap sebagai gelombang pertama bagi pengislaman masyarakat pedalaman Sabah.

Bagaimanapun, gerakan dakwah Mandur Sharif ini hanya dilakukan dalam tempoh lebih kurang tiga tahun sahaja. Ia bermula pada tahun 1943 sehingga tahun 1946 sahaja (Awang Sahari, 2003). Hal ini kerana bagi beliau tahun 1946 adalah masa untuk memulakan kehidupan baru selepas tamatnya perang dunia ke-2. Oleh itu, beliau memilih untuk beralih daripada pentas dakwah kepada pentas politik. Pada tahun yang sama, ia juga merupakan satu fasa kehidupan baru bagi orang-orang Kadazandusun Ranau. Mereka telah melakukan penghijrahan ke tempat-tempat pedalaman lain seperti Tambunan, Keningau, Sook, Nabawan dan Kiulu bagi mendapatkan tanah-tanah subur yang belum diduduki bagi memulakan kehidupan baru (Najion, 2010; Awang Sahari, 2003; Muhiddin, 1990). Tindakan mereka berhijrah ke tempat-tempat tersebut secara tidak langsung telah memberikan impak positif jangka panjang dalam perkembangan Islam di kawasan pedalaman. Islam bukan sahaja tersebar melalui penghijrahan, tetapi melalui pergaulan, perkahwinan, pendidikan dan budaya kerja di tempat baru. Beberapa tempat atau kampung dominan Islam telah dibentuk hasil daripada penghijrahan mereka seperti di Keningau, Kg. Sinulihan, Kg. Bayangan, Kg. Kota Ayangan, Kg. Tudan Baru, Kg. Bariawa Ulu, Kg. Baginda, Kg. Marampong, Kg. Manipipir, Kg. Tanah Merah dan Kg. Pasir Putih (Awang Sahari, 2003). Di daerah Tambunan pula seperti Kg. Kumawanan, Kg. Garas, Kg. Libang, Kg. Tungou dan Kg. Madsagoh (Suraya, 2005). Perkembangan ini dapat dilihat bertitik tolak daripada usaha dakwah yang dilakukan oleh Mandur Sharif.

Selepas tahun 1947, kegiatan Mandur Sharif direkodkan mulai berkurangan kerana faktor kesihatan. Pada tahun 1969 beliau telah kembali ke rahmatullah pada usia 84 tahun dan dikebumikan di kampung halamannya di Jawa Tengah. (PPTV, 2011; Saif, 2010; Awang Sahari, 2003).



Rajah 2: Sesi Temu Bual Para Penyelidik Bersama Presiden Persatuan Masyarakat Peranakan Jawa Sabah (PERJASA), Bapak Kaliwon Edi Pada 8 Mac 2020 Bertempat Di Kediaman Beliau

Kesimpulan

Dasar pengambilan tenaga kerja asing oleh pihak SBBUB dengan menumpukan kepada masyarakat Jawa telah memberikan impak serampang dua mata kepada negeri Sabah. Mandur Sharif yang dibawa masuk sebagai migran ekonomi, bukan sahaja memberikan impak kepada sektor ekonomi, tetapi terhadap penyebaran dan perkembangan Islam di Sabah umumnya dan di kawasan pedalaman khususnya. Walaupun terdapat campur baur antara ajaran Islam dengan unsur adat kejawaan dalam dakwah beliau, tidak dinafikan dakwah beliau merupakan titik permulaan bagi penduduk pedalaman Sabah terutamanya etnik Kadazandusun mengenal dan menerima Islam. Keperibadian yang baik, kemahiran perubatan alternatif dan ilmu kebatinan beliau menjadi elemen penting yang menarik masyarakat pedalaman kepada dakwah Islam. Kesannya mereka beralih daripada amalan tradisional animisme kepada mentauhidkan Allah. Gelaran 'Bapa kepada orang-orang Kadazandusun' merupakan satu penghargaan dan pengiktirafan besar kepada usaha Mandur Sharif dalam sejarah perkembangan peradaban Islam di Sabah.

Penghargaan

Manuskrip ini dihasilkan berasaskan dana geran penyelidikan Skim Penyelidikan Pensyarah Lantikan Baru (SLB0189-2019).

Rujukan

- Abdul Latif, A. S. (2003). Mandur Sharif dan kegiatannya di Sabah. Dlm. Anwar Fakhri Omar, Ezad Azraai Jamsary & Jaffary Awang (pnyt). *Islam di Sarawak dan Sabah*. hlm. 257-271. Bangi: Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Buyong, J. (2003). Islam membentuk tamadun penduduk Sabah. Dlm. Anwar Fakhri Omar, Ezad Azraai Jamsary & Jaffary Awang (pnyt). *Islam di Sarawak dan Sabah*. hlm. 185-202. Bangi: Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Daud, S. (2010). *Transformasi sosial menerusi Islamisasi di kalangan orang Dusun di Ranau, Sabah*. Kota Kinabalu: Penerbit Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah.
- De Silva, M. (2009). *Javanese Indentured Labourers in British North Borneo, 1914-1932*. PhD thesis. University of London.
- Dollah, R. & Abdullah, M. K. (2015). Pembangunan ekonomi dan krisis tenaga kerja di Malaysia: genealogi tenaga kerja asing di Sabah. *Proceeding 9th International Conference on Malaysia-Indonesia Relations 2015*. Hlm 127- 146.
- Edi, K. (2020). *Temu bual*, 8 Mac.
- Hajimin, M. N. H. H. & Ibrahim, I. A. (2017). Hak dan Perlindungan Pelarian Muslim Filipina Menurut Syariah dan Undang-Undang Malaysia: Kajian di Negeri Sabah. *Jurnal Hadhari* 9(2): 193-206.
- Hajimin, M. N. H. H. (2021). Penghijrahan Etnik: Diaspora Multi-Etnik Islam di Sabah. *Global Journal al-Thaqafah* 11(1)
- Hajimin, M. N. H. H., Ag Omar, P. M. F. F. & Hajimin, N. A. A.. (2020). Tun Mustapha dan pengukuhan Islam di Sabah: 1963 – 1973. *Jurnal Akademika* 90(1): 181-191. Doi: <https://doi.org/10.17576/akad-2020-9001-15>
- Ibrahim, I. A., Hajimin, M. N. H. H., Jamsari, E. A., Mohd Nasir, B. & Safiai, M. H. (2019). The Impact of Filipino Muslim Ethnic Migration into Sabah on ASEAN Integration. *International Journal of Innovative Technology and Exploring Engineering* 8(11): 369-372. Doi: 10.35940/ijitee.K1354.0981119
- Jamil, N. (2010). *Pembentukan Malaysia dan impaknya terhadap perkembangan Islam di Sabah*. Kota Kinabalu: Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah.

- Joko, E. P. (2012). *Sejarah lisan dalam pensejaraan Sabah: penelitian terhadap pengislaman masyarakat Dusun Ranau (1940-1976)*. Tesis Sarjana Sastera. Sekolah Sains Sosial, Universiti Malaysia Sabah.
- Lee, Y. L. (1965). *North Borneo (Sabah): a study in settlement geography*. Singapore: Eastern Universities Press Ltd.
- Lim, R. (2008). *Federal state relations in Sabah, Malaysia: the BERJAYA administration, 1976-85*. Singapore: Institute of Southeast Asian Studies.
- Mat Kib, M. Z. (2003). *Kristian di Sabah 1884-1994*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mat Kib, M. Z. (2004). Christianization in Sabah and the development of indigenous communities: a historical study. *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society* 77(1): 53-65.
- Mat Zain, F. & Omar, A. F. (2003). Pengenalan sejarah kedatangan Islam di Sabah. Dlm. Anwar Fakhri Omar, Ezad Azraai Jamsary & Jaffary Awang (pnyt). *Islam di Sarawak dan Sabah*. hlm. 257-271. Bangi: Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohad, A. H. & Mohd Mokhtar, R. A. (2017). Agama dan budaya berpisah tiada: tinjauan terhadap masyarakat Murut Tahol di Sabah. *International Journal of the Malay World and Civilisation (Iman)* 5(2): 3-12.
- Mohd. Tamrin, K. (1988). Orang Jawa di Borneo Utara: satu nota awal. *Jurnal JEBAT* (16): 123-136.
- Nasution, S & Ghofur, A. (2017). Perkembangan Islam di Sabah Malaysia. *Jurnal Toleransi: Media Komunikasi Umat Beragama* 9 (2): 152- 183. Doi: <https://doi.org/10.24014/trs.v9i2.4329>
- Nuar, E. & Lunkapis, G.J.. (2019). Customary land and the indigeneous people of Sabah: a case study of Sinumagang-Tinuman Toki. *IOP Conference Series: Earth and Environmental Science* 286 012039: 1-7. Doi:10.1088/1755-1315/286/1/012039
- Nuha, A. (2009). Mandur Syarif. *Abu Nuha Corner*, 10 Mei. <https://abunuha.wordpress.com/2009/05/10/mandur-syarif/> [Diakses pada 21 April 2020].
- PPIS TV. (2011). *Mandur Syarif @ Bapak Tua - Ranau* [Video]. YouTube, September 25. https://www.youtube.com/watch?v=M_jP4yweChI [Diakses pada 21 April 2020]
- Rutter, O. (1985). *The pagans of North Borneo*. Singapore: Oxford University Press.
- Sintang, S. (2005). Sejarah perkembangan mualaf di Sabah: peranan dan sumbangan USIA (United Sabah Islamic Association). *Jurnal al-Tamadun* 1: 51-90.
- Sintang, S. (2013). *Kehidupan beragama masyarakat Kadazandusun*. Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah.
- Syed Mahadi, A. R., Hussin, H., Sintang, S. & Hasan, H. R. (2017). Pengaruh jaringan sosial ke atas migrasi pekerja Bugis – Indonesia ke Sabah. *International Journal of the Malay World and Civilisation (Iman)* 5(3): 59 -69.
- Tregonning, K.G. (1967). *A history of modern Sabah, 1881 – 1963*. 2nd edition. Singapore: University of Malaya Press.
- Wan Hassan, W. S., Dollah, R. & Herviani, D. (2015). Tenaga Kerja Indonesia (TKI) Bugis dalam sektor perladangan kelapa sawit di Sabah. *Jurnal MANU* 22: 61-79.
- Yusin, M. (1990). *Islam di Sabah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Yusoff, I. (1994). *Konflik politik Sabah: satu kajian kes*. Tesis Sarjana Persuratan. Institut Alam dan Tamadun Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia.